



19-30 OGOS 2017

SUKAN SEA KE-29

UTUSAN MALAYSIA 17/8/2017 p. 35

PASUKAN renang berirama Malaysia menjalani latihan di Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil semalam.
- UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN



Zylane buru emas sulung kolam renang

■ KUALA LUMPUR 16 OGOS

PERSAINGAN sengit Malaysia dan Singapura bakal menjadi tumpuan di Pusat Akuatik Nasional, esok apabila acara renang berirama membuka tirai dengan menawarkan dua pingat emas pertama Sukan SEA Ke-29 (KL2017).

Sandaran emas negara, Zylane Lee nekad untuk memberi persembahan terbaik bagi menghadiahkan emas acara solo teknikal.

Namun, dia bakal berdepan cabaran sengit perenang Singapura, Debbie Soh yang memamer banyak peningkatan sejak kali terakhir bertanding dalam Kejohanan Akuatik Dunia di Budapest, bulan lalu.



Perenang berusia 25 tahun itu mengakui, dia sudah bersedia sepenuhnya untuk memberi persembahan terbaik di depan penonton sendiri dan berharap dapat menuai emas sulung.

“Saya benar-benar bersedia, namun renang berirama adalah sukan subjektif jadi sukar untuk jangkakan apa yang akan berlaku.

“Apa yang boleh saya lakukan cuba kurangkan kesilapan, dan jika itu dapat dilakukan, saya yakin boleh mengalahkan Debbie,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* selepas sesi latihan di Pusat Akuatik Nasional, hari ini.

Renang berirama menyasarkan tiga daripada lima emas yang ditawarkan menerusi acara solo bebas

dan teknikal, duet bebas dan teknikal serta berpasukan.

Sementara itu, seorang lagi perenang negara, Gan Hua Wei senada dengan rakan sepasukannya bahawa Singapura bakal menjadi pencabar terkuat Malaysia.

“Saya akan memberi aksi terbaik dan cuba untuk menghantarkan pingat kepada negara, tambahan beraksi di laman sendiri yang sudah pasti memberi semangat yang luar biasa.

“Bagaimanapun Singapura adalah pencabar terkuat yang mampu menggugat sasaran skuad negara,” ujarnya.

Singapura mempunyai kelebihan psikologi ke atas

Malaysia kerana atlet mereka mencatat keputusan lebih baik berbanding perenang negara dalam acara solo teknikal, solo bebas, duet teknikal dan duet bebas dalam Kejohanan Dunia di Budapest.

Susulan persembahan hambar anak-anak buahnya, jurulatih kebangsaan Long Yan membuat keputusan drastik menukar rutin perenang.

“Saya melihat kelemahan perenang kita dalam Kejohanan Dunia dan berasaskan mereka memerlukan rutin baharu. Saya yakin kami mampu menandingi Singapura,” katanya.

FAKTA

25

Usia Zylane Lee yang menjadi sandaran emas negara acara solo teknikal